



1035 KONSEP DAN KEPERIBADIAN *AL-FALAH* DALAM ISLAM

Nazneen binti Ismail
Syaidatun Nazirah Abu Zahrin

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Abstrak

Pembangunan keperibadian mahasiswa merupakan aspek penting selain daripada pencapaian akademik dan penguasaan kemahiran. Keseimbangan antara kesemua aspek ini menjadi penentu nilai diri mereka di masyarakat. Justeru, kajian ini bertujuan membincangkan konsep al-falah serta ciri-ciri al-muflihun bagi tujuan mendapatkan takrifan sebenar berkaitan makna kecemerlangan dalam Islam. Dapatan menunjukkan bahawa konsep al-falah dalam Islam begitu luas mencakupi aspek duniawi dan ukhrawi. Kecemerlangan hakiki ini boleh dicapai melalui penghayatan agama. Ciri-ciri golongan yang berperibadi cemerlang juga telah dihuraikan dalam al-Quran melalui ayat-ayat yang berkaitan dengan aflaha. Berdasarkan ayat-ayat ini dan huraian para ulama, keperibadian al-muflihun ini dirumuskan kepada empat dimensi iaitu akidah, ibadah, akhlak dan dakwah. Dalam Islam, seorang yang cemerlang tidak dilihat dari segi pencapaian dirinya sahaja tetapi juga bagaimana dia menyumbang kepada kemaslahatan masyarakat dan agama. Rumusan kajian ini dipersembahkan dalam bentuk kerangka yang membincangkan hubungan antara konsep al-falah dan keperibadian al-muflihun serta kaedah untuk merealisasikan.

Kata kunci: *konsep al-falah, keperibadian mahasiswa, ciri al-muflihun*

1. Pendahuluan

Keperibadian cemerlang terzahir melalui amalan kerohanian (Salasiah Hanin Hamjah et al. 2012), cara hidup seimbang dari sudut rohani, jasmani, emosi dan intelek (Baharin et al. 2006), kemahiran mengurus emosi (Erlina 2012; Maria et al. 2004), penghayatan akhlak yang tinggi (Nik Safiah et al. 2015; Rohana et al. 2016), minat belajar yang tinggi (Lidia 2010), bermotivasi (Sagita & Helmy 2012; Tri Sunarsih 2010; Williams, K. & Williams, C. 2011), memiliki kompetensi diri (Mohamad Zaid et al. 2011; Norazrina et al. 2014), kemahiran mengurus masa yang baik (Maria, 2006; Wan Zah et al. 2008), mempunyai konsep diri (Nor Hafizah et al. 2012; Prabawati & Diyan 2012) serta religiositi yang tinggi (Hazizan et al. 2003).

Namun begitu, tidak dinafikan faktor persekitaran sosial seperti ibubapa (Dzuhailmi et al. 2014; Zulkifli 2011), guru, rakan sebaya (Ajmain 2012; Fatin dan Abdullah 2007), sekolah dan media massa memberi kesan signifikan dalam pembentukan jati diri pelajar (Fatimah 2007; Rohana et al. 2013; Wan Sallha et al. 2010; Zakaria et al. 2012) di samping undang-undang dan persekitaran (Abdullah & Siti Zainab 2010). Bagi era Revolusi Industri keempat ini, didapati



teknologi media mampu mengubah peranan individu dan kelompok sosial. Media baru juga telah menukar dominasi kekuasaan ekonomi, politik, sosial dan budaya kepada individu, komuniti dan masyarakat. Malah, media atas talian turut membentuk corak perjalanan budaya. Bagi pelajar hari ini, motivasi paling kuat dalam penggunaan internet adalah memperlihatkan eksistensi diri, pencarian hiburan, penyelesaian tugas akademik (Zinggara et al. 2016) serta komunikasi dengan rakan-rakan (Herkman & Vainikka 2014). Masalah ini berlaku kerana Muslim cenderung menjadi pengikut Barat dengan erti kata mengejar sains dan teknologi menggunakan kaedah yang ditentukan mereka. Sewajarnya Muslim fokus kepada membina keupayaan dan kemampuan diri dan ummah (Khalif Muammar 2012).

Justeru, pembentukan jati diri pelajar perlu menepati keperibadian yang mengamalkan konsep *al-falah* meliputi ibadah, akidah dan akhlak (Ahmad Munawar et al. 2012; Asmawati 2007; Azimi et al. 2006; Mohd Nasir et al. 2017; Sabiruddin 2012; Zulkifli 2011). Kajian menunjukkan pendekatan ibadah mampu menyelesaikan masalah disiplin dalam kalangan pelajar (Khalim & Wan Zulkifli 2009), menyumbang kepada kecerdasan emosi (Mohd Sabri et al. 2009) dan memberi kesan positif terhadap hubungan sosial pelajar (Aerisuli 2011).

Selain itu, akidah merupakan tunjang utama untuk merealisasikan konsep *al-falah* dalam kehidupan manusia kerana ia adalah asas kepada sahsiah seseorang (Khairul Hamimah 2007; Khairun Nizar 2012). Akidah yang benar menjadikan seseorang berfikiran terbuka, memiliki pandangan jauh dan optimis kerana akhirat diletakkan sebagai matlamat akhir (Khairul Hamimah 2014). Sehubungan itu, tahap kefahaman akidah pelajar yang rendah (Khairul Hamimah 2007) tetap tidak boleh dipandang remeh walaupun mereka mengakui kepentingannya dalam hidup.

Bagi membangunkan keperibadian *al-falah* dalam diri, ilmu adalah elemen utama. Pembacaan bahan ilmiah yang kurang menjadi faktor kerapuhan iman dan salah laku akhlak dalam kalangan pelajar. Para pelajar didapati lebih berminat dengan bahan bacaan mistik dan komik berbanding bahan ilmiah dan isu semasa (Khairul Hamimah 2014). Penggunaan bahasa yang santai tidak memerlukan mereka untuk berfikir secara kritis. Hal ini mengakibatkan minda mereka tidak terbuka dan sukar menerima perkara yang tidak selari dengan jiwa serta kehendak diri.

Rohana & Norhasni (2016) menegaskan pembentukan akhlak perlu dijalankan sepanjang hayat dan diberi penekanan dalam usaha melahirkan insan kamil yang cemerlang dan seimbang dari segi intelek dan spiritual. Akhlak yang dimaksudkan merujuk kepada dimensi rohaniah yang mendesak seseorang supaya melakukan sesuatu perbuatan, sama ada baik atau buruk. Menurut ahli falsafah Islam seperti al-Farabi dan Ibn Miskawaih (dalam Hasyimasyah 2002), akhlak tidak didorong oleh fikiran atau pertimbangan tetapi berpunca daripada dua sumber iaitu watak atau fitrah dan kebiasaan atau latihan. Hanya akhlak yang mendorong kepada kebaikan merupakan wasilah untuk mencapai bahagia di dunia dan akhirat.



2. Konsep al-falah dalam Islam

Terdapat 40 kali ungkapan *al-falah* dengan tiga bentuk iaitu *fi'l madi* (perbuatan lalu), *fi'l mudari^c* (perbuatan yang sedang atau akan berlaku) dan *ism fa'il* (kata nama pelaku). Menurut Siti Rahmatul (2018), ketiga-tiga bentuk ini mempunyai pendekatan yang berbeza. Apabila *al-falah* diungkapkan dalam bentuk *madi*, ia membincangkan perkara yang pasti. Maka dalam konteks al-Quran, konsep *al-falah* dihubungkan secara pasti dengan keimanan dan kesucian hati. Manakala apabila *al-falah* diungkapkan dalam bentuk *mudari^c*, ia menghuraikan kaedah untuk mencapai *al-falah* itu sendiri. Seterusnya dalam bentuk *ism fa'il*, *al-falah* digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri mereka yang berhasil mencapainya.

Konsep *al-falah* dalam al-Quran meliputi beberapa aspek. Pertama, ia adalah seruan untuk mengamalkan al-Quran dan sunnah kerana kedua-duanya sumber kebaikan dan hidayah. Kedua, kejayaan individu merupakan asas kepada kejayaan masyarakat. Maka, dengan mengamalkan prinsip-prinsip *al-falah*, ia bukan sahaja memberi kecemerlangan kepada individu tetapi turut menyumbang kepada kejayaan masyarakatnya. Ketiga, melalui istiqamah dengan agama Allah SWT musuh-musuh Islam mampu dikalahkan dan menatijahkan kebahagiaan serta keberkatan rezeki sebuah masyarakat. Keempat, penguasaan dan pemerintahan umat Islam akan berjaya jika ia terdiri daripada mereka yang soleh dan melakukan amar makruf nahi mungkar, berakhlak mulia, mengutamakan keadilan, kebenaran dan berpegang teguh kepada tali yang teguh (*urwat al-wuthqa*) iaitu Islam. Kelima, al-Quran menjelaskan bahawa kejayaan di dunia dan akhirat semuanya berpaksikan kepada keimanan yang benar kepada Allah SWT dan menunaikan segala tuntutan, menyucikan jiwa daripada kotoran serta memperindahkannya dengan sebaik-baik amal (Mahmud, t.th).

Menurut Nor Sahida dan Sanep (2013), *al-falah* merupakan tujuan sebenar pembangunan dalam Islam. Ia adalah kemuncak kepada setiap tindak tanduk manusia di atas dunia kerana kayu ukurnya yang utama ialah kecukupan fizikal manusia dan ketenangan hidup. Pandangan ini tidak dipersetujui oleh Kamarul Ariffin dan Mohd Syakir (2018) yang menyatakan bahawa *al-falah* bukan tujuan pembangunan dalam Islam. Sebaliknya, tujuan utama pembangunan ialah keredaan Allah SWT. Kejayaan di dunia tidak bermakna kejayaan di akhirat. Sebaliknya ia bergantung kepada keredaan Allah SWT.

Ini bermakna *al-falah* atau kecemerlangan boleh diertikan sebagai wasilah bagi Mukmin untuk mencapai kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat. Kesempurnaan iman bagi seseorang dikira apabila dia berjaya mencapai darjat taqwa di sisi Allah SWT (Danial 2006; Sidek 2003; Noor Hayati 2016). Firman Allah SWT:



إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ¹

Maksudnya:

Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah amat mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).

Al-falah boleh dicapai apabila perintah Allah dan rasulNya dipatuhi (Kamarul Ariffin & Mohd Syakir 2018; Siti Rohmatul 2018; al-Syirman 2012). Hal ini diperincikan oleh Mahmud (t.th) berdasarkan al-Quran bahawa terdapat 13 tuntutan yang perlu dilakukan oleh seseorang untuk mencapai *al-falah* iaitu beriman kepada Allah SWT, bertaqwa kepada Allah SWT, larangan memakan riba, menjauhi arak dan judi, menjauhi sikap kedekut, berusaha mencapai wasilah dan jihad di jalan Allah SWT, ihsan, bersabar dalam menyuruh kepada perkara makruf dan mencegah daripada perkara mungkar, menunaikan ibadah dan melakukan amal kebaikan, bertaubat, mengamalkan zikir kepada Allah SWT dan memikirkan tanda-tanda kekuasaan Allah SWT.

Sehubungan itu, al-Quran sentiasa menggalakkan insan untuk membersihkan diri daripada sifat buruk dan menggantikannya dengan sifat mulia, serta mempertingkatkan jiwa ke arah kesempurnaan supaya dapat mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Ini kerana Allah SWT telah menurunkan al-Quran yang mengandungi asas-asas kebaikan dan manhaj petunjuk bagi ketenangan dan kesejahteraan manusia dalam semua aspek kehidupan. Al-Quran juga menjelaskan perkara-perkara yang boleh membawa manusia kepada kebahagiaan di dunia dan akhirat. Maka, dengan mengamalkan ajaran al-Quran dan petunjuknya, masalah dan kekusutan yang dihadapi manusia boleh diselesaikan serta kecemerlangan dalam dicapai (Mahmud t.th).

Untuk meraih kecemerlangan ini, ia berkait dengan prinsip tauhid yang bertunjangkan pengakuan bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Ini bermakna segala gerak geri ketika hayatnya dilatari oleh ketundukan penuh kepada perintah Allah ajaran baginda SAW serta meninggalkan larangan kedua-duanya (Nooraini 2016). Ini yang disebut sebagai penghayatan agama.

Penghayatan agama bermaksud kepatuhan kepada agama (*tadayyun*), bertakwa dan warak manakala orang yang menghayati agama (*al-mutadayyin*) adalah mereka yang mempunyai tutur kata dan tingkah laku yang dikawal oleh penghayatan agama. Menghayati agama ini adalah merujuk kepada melaksanakan amalan dengan seluruh cakupan dan dimensinya hingga dapat

¹ Al-Quran, al-Hujurat 49:13.



dirasai oleh jiwa. Ketenangan yang diperolehi hasil daripada rasa ini merupakan tanda kecemerlangan di dunia bagi seorang Mukmin (Mohamad Khairi 2013).

Ini seiring dengan pandangan Al-Attas (2013) bahawa penghayatan agama adalah pemaduan sikap, kepercayaan, nilai-nilai pendapat dan lain-lain ke dalam keperibadian seseorang. Ia merupakan bentuk pengakuan di mana penghayatan nilai atau kepercayaan merupakan pengaruh sosial yang paling teguh dan paling dalam berakar. Justeru, agama tidak boleh dilihat daripada aspek ritual yang memberi kesan secara individu sahaja tetapi juga menjadikan keadilan sosial sebagai tonggak utama (Nooraini 2016).

Hayati (2013) turut menyatakan bahawa akidah, ibadah dan sedekah menatijahkan kebahagiaan spiritual dalam diri individu. Ini kerana melalui akidah, jiwa manusia terisi manakala ibadah menjadikannya hampir kepada Allah SWT dan sedekah mewujudkan keharmonian antara dirinya dengan persekitarannya. Ini juga membawa pengertian bahawa kecemerlangan adalah bermula dari dalam diri seseorang. Melalui iman dan takwa, seseorang telah menempatkan dirinya sebagai hamba yang meletakkan segala pergantungan hati kepada Allah SWT tanpa sebarang keraguan. Firman Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ ﴿١٧٤﴾²

Maksudnya:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian, ialah orang-orang yang berjaya.

Ayat ini menyatakan kelompok yang mengamalkan konsep *al-falah* mempunyai sikap bersungguh-sungguh dalam melakukan kerja dakwah, menyuruh perkara makruf dan mencegah perbuatan mungkar. Makruf bererti perkara yang diketahui, dikenali, difahami serta diterima oleh masyarakat sebagai sesuatu terpuji. Manusia yang berakal melihatnya sebagai satu perkara yang perlu dilakukan. Manakala mungkar bermaksud dibenci, ditolak oleh masyarakat kerana tidak patut dilakukan oleh manusia yang berakal. Justeru, semakin tinggi kecerdasan beragama, seseorang itu akan semakin mengetahui perkara makruf dan menjauhi perkara mungkar (HAMKA 1987; Hasan 1989).

² Al-Quran, Ali 'Imran 3: 104.



Kewajipan dakwah ini juga perlu dilakukan dalam dua peringkat iaitu umum yang melibatkan masyarakat dan juga khusus yang tertumpu kepada keluarga sendiri. Ia dimulakan dengan menimbulkan kesedaran agama terlebih dahulu supaya golongan ini dapat menjelaskan hakikat kebenaran Islam kepada orang lain sama ada masyarakat bukan Muslim mahupun sesama Muslim sendiri. Amalan dakwah perlu disertai dengan jihad bagi memastikan ia sentiasa dilazimi. Ini bakal menatijahkan kecemerlangan yang dapat dilihat dari segi kemampuan sebagai pelopor kebajikan di dunia (HAMKA 1987; Hasan 1989; Nooraini 2009; Najah 2014).

Sehubungan itu, Nooraini (2016) mencadangkan tiga perkara dalam penerapan konsep *al-falah* dalam diri iaitu pertama, memperkasakan ajaran Islam sebenar dalam berhadapan cabaran semasa, kedua, menyeimbangkan pembangunan fizikal dan spiritual dalam masyarakat dan ketiga membangunkan manusia melalui jenis pendidikan, latihan yang diperlukan dan persekitaran agar mampu meningkatkan potensi manusia secara fizikal dan rohani.

Oleh itu, golongan yang mencapai *al-falah* terdiri daripada mereka yang menguasai ilmu pengetahuan dalam memastikan masyarakat mampu untuk bertahan dan menyempurnakan amanah dalam kehidupan (Hasan 1989; Nooraini 2016). Antara ilmu yang diperlukan adalah ilmu Islam yang sempurna meliputi al-Quran, sunnah, sirah Rasulullah SAW dan para sahabat, ilmu tentang sasaran dakwah (*mad'u*), ilmu tentang sejarah umum, ilmu geografi, ilmu psikologi, ilmu akhlak, ilmu sosiologi, ilmu politik, bahasa masyarakat setempat, kebudayaan dan kesenian masyarakat serta ilmu asas perbandingan agama (HAMKA 1987). Penguasaan ilmu-ilmu ini perlu dilakukan secara kolektif dengan erti kata saling melengkapi antara satu dengan yang lain (H. Imam 2003).

Tambahan pula pada peringkat kehidupan dunia, kecemerlangan dinilai berdasarkan fungsinya sebagai alat dalam mencapai kecemerlangan akhirat. Justeru, pendidikan merupakan satu wasilah dalam mengecapi kecemerlangan hakiki. Pendidikan dalam Islam menjurus kepada pembangunan sahsiah, kerohanian dan penghayatan agama di samping aspek akademik. Kegagalan dalam menumpukan perhatian kepada aspek rohani menyebabkan para pelajar mudah terdedah kepada masalah disiplin, gejala sosial dan keruntuhan akhlak (Buerah et al. 2015; Noor Hayati 2016; Zainudin & Norazmah 2011).

Lawan kepada *al-falah* ialah *al-khusran* yang bermaksud kerugian. Ia berpunca daripada kekufuran, mendustakan pertemuan dengan Allah SWT, ayat-ayatNya dan para nabiNya, melakukan perkara yang diharamkan, tidak mengerjakan kewajipan, tidak mendapat keampunan dan rahmat Allah SWT, tidak menyeru kepada kebenaran (Islam), mengurangkan timbangan dan selamat daripada tipu daya Allah SWT (Asma' 2011). Seseorang itu boleh terhalang daripada mencapai *al-falah* melalui beberapa punca iaitu kufur, zalim (Asma' 2011; Zyoud 2010), murtad, mengada-adakan pembohongan terhadap Allah SWT, melakukan jenayah, mengamalkan sihir (Asma' 2011), melakukan dosa-dosa besar (Zyoud 2010), tidak beriltizam dengan syariat Islam, melakukan taghut dan tidak berlaku adil sesama manusia (al-Syirman 2012).



3. Keperibadian *al-Muflihun* dalam al-Quran

Al-muflihun ialah kata nama yang bermaksud golongan yang mencapai kejayaan atau kecemerlangan. Mereka yang tergolong dalam kalangan *al-muflihun* sentiasa beriltizam dengan Islam dan rukun-rukunnya serta beriltizam dengan Iman dan rukun-rukunnya (al-Syirman 2012). Ini bermakna ciri utama bagi peribadi cemerlang menurut al-Quran ialah keimanan kepada Allah SWT, para malaikat, al-Quran dan kitab-kitab sebelumnya, para nabi dan rasul, hari akhirat, qada' dan qadar serta perkara ghaib. Mereka juga sentiasa melakukan amal soleh kesan daripada keimanan yang dimiliki khususnya mendirikan solat dan menunaikan zakat (Asma' 2011). Selain itu, mereka juga golongan yang fokus kepada penyucian jiwa melalui amalan-amalan hati seperti taubat, takwa, sabar, zikir dan syukur (al-Syirman 2012; Zyoud 2010; Asma' 2011). Di samping itu, mereka menunaikan tanggungjawab dakwah dan jihad kepada masyarakat sekeliling dengan menyeru untuk beramal soleh, mencegah kemungkaran dan sentiasa memberikan manfaat kepada orang lain (Siti Rahmatul 2018; Hasan 1989).

Ini jelas dalam al-Quran apabila ciri-ciri kecemerlangan dihubungkan dengan ciri seorang mukmin (al-Quran 2: 1-6, 23:1-11). Ciri umat cemerlang yang dinyatakan ialah beriman dengan perkara ghaib, mendirikan solat, menafkahkan harta, beriman kepada al-Quran dan kitab-kitab sebelumnya (al-Quran 2:1-6, 31:5). Antara lain ialah mengerjakan solat dengan khushyuk, meninggalkan perkara yang sia-sia sama ada perkataan mahupun perbuatan, membayar zakat, menjaga maruah, menjaga amanah dan janji serta memelihara solat (al-Quran 23:1-11).

Ciri lain ialah menyeru kepada kebaikan, menyuruh perkara makruf dan menegah kemungkaran (al-Quran 3:104), menghalalkan yang halal, mengharamkan yang haram, beriman kepada nabi, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti al-Quran (al-Quran 7: 8,157), berjihad dengan harta dan nyawa (al-Quran 9:88), taat kepada Allah dan Rasul-Nya (al-Quran 24:51), memberi hak kepada kaum kerabat, orang miskin, ibnu sabil dan berkehendak reda Allah SWT (al-Quran 30: 38), tidak berkasih sayang dengan orang yang menentang Allah SWT meskipun kaum keluarga sendiri (al-Quran 58:22), mengutamakan orang lain (*ithar*) dan tidak bakhil (al-Quran 59:9, 64:16).

Maksud khushyuk dalam solat ialah melakukan solat dalam keadaan tenang memandangi tempat sujud dan tidak memandangi ke tempat lain di samping hati juga tunduk dan tidak menyibukkan diri dengan benda lain sebaliknya menghadirkan Allah SWT di hadapannya. Dalam solat juga, maksud setiap ayat diperhatikan agar tidak lalai daripada zikrullah. Ini adalah ciri solat yang berkesan dan disifatkan sebagai mampu mencegah pelakunya daripada perbuatan keji dan mungkar kerana solat didirikan dalam keadaan takut kepada Allah SWT. Ketundukan dalam solat diiringi dengan iltizam dengan kefarduan atas diri dan ibadah serta meninggalkan perkara yang diperintahkan untuk ditinggalkan (al-Razi 1981; al-Sya'rawi 1991; al-Tabari t.th)



Ciri lain ialah meninggalkan perkara sia-sia atau lagha. Ia merangkumi perkara haram, makruh, maksiat dalam perkataan dan perkara harus yang tiada keperluan (al-Razi 1981; al-Tabari t.th) serta setiap perkara yang tidak mendapat pahala daripada Allah SWT (al-Sya^crawi 1991). Seterusnya menunaikan zakat secara umumnya ditafsirkan sebagai semua perkara yang terpuji dan diredai Allah SWT. Namun, secara khusus ia adalah hak yang wajib pada harta seseorang. Zakat adalah gandingan dan merupakan kesempurnaan kepada amalan solat (al-Razi 1981). Manusia mempunyai sifat lalai menjadikan mereka sibuk mengumpul harta sehingga bercampur dengan perkara syubhat. Maka, ia perlu kepada penyucian (*al-tathir*). Selepas penyucian, harta akan bertumbuh dan berkembang. Meskipun zahirnya tampak berkurang tetapi disebaliknya terdapat berkat. Bertentangan dengan riba yang zahirnya tampak bertambah tetapi hakikatnya batil (al-Sya^crawi 1991).

Selain itu, seorang yang cemerlang mengambil berat soal pemeliharaan maruah. Kehendak seksual hanya ditunaikan kepada isteri yang dihalalkan Allah SWT (al-Razi 1981; al-Tabari, t.th). Ini juga menjadi dalil pengharaman nikah mut'ah kerana wanita tersebut bukan isteri kerana tidak halal dan tidak berhak mewarisi harta (al-Razi 1981). Pemeliharaan ini adalah sesuai dengan tujuan penciptaannya. Hubungan seksual adalah bertujuan untuk menjaga nasab manusia (al-Sya^crawi 1991).

Peribadi yang cemerlang juga memelihara amanah dirinya terhadap manusia lain dan amanah seorang hamba kepada tuhanNya termasuk ibadat (al-Razi 1981). Amanah yang paling utama ialah amanah yang diberikan Allah SWT kepada hamba-Nya. Seterusnya janji sesama manusia yang wajib ditunaikan ialah semua bentuk janji selain daripada perbuatan maksiat. Menepati janji ditekankan kerana terdapat ikatan antara seseorang dengan orang lain di sebalik janji tersebut (al-Sya^crawi 1991).

Selanjutnya, Allah SWT menekankan aspek penjagaan solat. Al-Razi (1981) menafsirkan bahawa menjaga solat dan khusyuk dalam solat ialah perkara yang berbeza. Khusyuk berlaku ketika sedang mengerjakan solat manakala penjagaan solat berlaku apabila ia tidak dilakukan secara sempurna. Menjaga solat juga termasuk mematuhi syarat-syarat solat dari segi waktu, taharah, melakukan solat mengikut rukun dan menyempurnakannya. Al-Tabari (t.th) menyatakan bahawa termasuk dalam kesempurnaan solat ialah tidak menyibukkan diri hingga luput atau berlalu waktu begitu sahaja.

Selain itu, keperibadian cemerlang juga disebut sebagai *Ulu al-Albab* (Elmi & Zainab 2015). Ini kerana ciri-ciri *ulu al-Albab* yang dinyatakan dalam al-Quran memiliki kecerdasan spiritual yang tinggi di samping ketinggian daya intelek. Gabungan antara kedua-dua elemen ini menghasilkan individu yang mempunyai tingkah laku terpuji. Hal ini kerana keperibadian adalah gambaran diri seseorang yang bersifat dalaman dan luaran. Tidak dinafikan apabila unsur dalaman berperanan dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang. Kerana itu, *Ulu al-Albab* juga dihuraikan sebagai seorang yang memiliki perenungan yang mendalam serta berakhlak mulia.



Kesemua ini berpunca daripada kecerdasan spiritual yang di dalamnya terkandung domain akal, qalbu, roh, nafsu, iman, ibadah dan akhlak (Elmi 2013).

Sesuai dengan pandangan HAMKA (1987) yang menyatakan bahawa kecemerlangan seseorang terletak pada kecerdasan beragamanya atau yang disebut sebagai religiositi (Azma 2006). Ia adalah istilah yang menggambarkan keperibadian bersepadu seorang Muslim melibatkan aspek Islam (ibadah), iman (akidah) dan ihsan (akhlak). Ini bermakna selain daripada dia menunaikan kewajipannya kepada Allah SWT, seorang hamba yang cemerlang turut menegakkan Islam sebagai cara hidup dalam diri, keluarga dan masyarakat serta beramal dengan ikhlas dan mengharap reda Allah SWT (Noor Hayati 2016).

Akidah ialah satu simpulan keyakinan yang teguh didasari keimanan kepada Allah SWT. Keteguhan iman dalam diri akan mencorakkan keperibadian yang tenang dan rasional (Azma 2006) di samping menghalang individu daripada melakukan perkara maksiat. Ini kerana akidah membantu manusia untuk menetapkan misi dan visi kehidupan (al-Ghazali 1997; Khairul Hamimah et al. 2014). Di samping itu, akidah juga berperanan dalam mengawal hati dan akal manusia daripada berfikir tentang perkara yang dilarang Allah SWT, mengawal anggota zahir daripada melakukan larangan Allah SWT, berhati-hati dalam tindakan supaya tidak menyeleweng daripada suruhan Allah SWT, menunaikan kewajipan dan tanggungjawab serta menyempurnakan kewajipan sebagai wasilah untuk mendapat kasih sayang Allah SWT (Hasnan 2008). Ia tertegak di atas enam rukun iman iaitu beriman kepada Allah, malaikat, kitab, rasul, hari akhirat dan qadar-Nya yang baik dan buruk (al-Bayanuni 2003). Firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ ﴿١٩٣﴾³

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar.

Secara tidak langsung, akidah mempunyai hubungan dengan akhlak. Segala tindakan yang menepati tauhid merupakan akhlak yang mulia dan begitu sebaliknya (al-Ghazali 1997; Khairul Hamimah et al. 2014; Mahmud 2007; Yoke & Ahmad Hifdzil 2015). Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِ جَارَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ،
وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُفْعَلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُمْ⁴

³ Al-Quran, al-Taubah 9:119.



Maksudnya:

"Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir maka hendaklah ia tidak menyakiti tetangganya, dan barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir maka hendaklah ia memuliakan tetamunya, dan barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir maka hendaklah ia mengatakan yang baik atau diam."

Berasaskan akidah, manusia akan menyedari tanggungjawab masing-masing dan tidak melakukan sesuatu dengan sia-sia kerana mengharapkan nilai Allah SWT terhadap apa yang dikerjakan (Khairul Hamimah et al. 2014). Sementara itu, syariat berperanan sebagai pemelihara kepada mental, fizikal dan spiritual manusia. Pengamalan syariat yang betul akan menghasilkan keluhuran akhlak (Ahmad Munawar et al. 2012) serta menghindarkan manusia daripada melakukan perkara yang dilarang contohnya solat sebagai penghalang perbuatan keji dan mungkar serta puasa yang menatijahkan takwa (Hasnan 2008).

Ibadah yang dilakukan dengan betul akan memberi kesan kepada hati. Konsep ibadah juga luas mencakupi duniawi dan ukhrawi selagi ia bertujuan untuk mendapatkan reda Allah SWT. Maka, ia adalah penyembahan kepada Allah SWT secara menyeluruh melibatkan fizikal dan rohani dengan syarat memiliki niat yang ikhlas dan perbuatan itu menepati syarak (Nooraini 2016). Melalui pembangunan ilmu fardu ain dan fardu kifayah disertai dengan penghayatan dan kefahaman agama yang benar akan menatijahkan takwa dan menjadikannya terpinpin dalam hidup (Noor Hayati 2016). Firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٥﴾

Maksudnya:

Dan (ingatlah!) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepada-Ku.

Pensyariatannya ibadah dalam Islam mempunyai kaitan dengan akhlak atau keperibadian seseorang. Antaranya solat yang mempunyai kesan dalam pembentukan motivasi, kawalan dalaman diri dan jiwa keagamaan. Melalui amalan solat juga, mukmin dilatih untuk meletakkan pergantungan kepada Allah SWT semata-mata. Selain itu, amalan zakat merupakan kaedah penyucian jiwa, pembentukan akhlak melalui pemeliharaan hubungan sosial dengan golongan yang lemah. Syariat puasa pula mendidik ketahanan diri seseorang sebelum mencapai darjat

⁴ al-Bukhari, *Sahih*, Kitab al-Adab, Bab Man Kana Yu'minu bi Allah wa al-Yawm al-Akhir Fa La Yu'zi Jarahu, no. 5559.

⁵ Al-Quran, al-Dharyat 51:56.



takwa yang merupakan kesempurnaan akhlak. Di samping itu, ibadah haji merupakan satu latihan bagi mukmin untuk memupuk kerendahan hati, bergantung harap kepada Allah SWT dan zuhud terhadap dunia (al-Ghazali 1997; Mahmud 2007).

Tanpa terhenti setakat perbuatan ini sahaja, ibadah sebenarnya bermula daripada seseorang itu bangun tidur sehingga bangun semula pada keesokan harinya selagi dia patuh kepada Allah SWT dan sentiasa mengingatkan diri tentang peraturan-Nya. Justeru, ibadah memotivasikan manusia untuk mengharapkan reda Allah SWT dan melaksanakan tanggungjawab kepada-Nya dan masyarakat (Nooraini 2016).

Natijah daripada ibadah dan akidah ini ialah elemen ketiga iaitu akhlak yang bermaksud budi pekerti (al-Quran 68:4) dan adat kebiasaan (al-Quran 26:137). Ini menjadi asas kepada pandangan ahli falsafah seperti Ibn Miskawaih dan al-Ghazali bahawa akhlak merupakan sifat yang tertanam dalam jiwa dan tidak memerlukan kepada pertimbangan akal fikiran. Terdapat dua sumber akhlak iaitu tabiat yang dibekalkan dalam diri dan latihan atau pendidikan yang diterima (Hasyimsyah 2002; Nurhayati 2014). Dalam Islam, pembentukan akhlak mulia merupakan tujuan pendidikan yang utama (al-Ghazali 2004; Nurhayati 2014).

Maka, akhlak melibatkan hubungan antara manusia dengan Allah SWT, hubungan dengan dirinya sendiri, hubungan dengan manusia lain dan hubungan dengan alam sekitar. Akhlak dengan Allah SWT adalah dengan mematuhi segala perintah-Nya, bersikap amanah, mengharapkan reda-Nya, melakukan ibadah, bertaubat dan banyak membaca al-Quran. Akhlak dengan diri merangkumi amanah, benar, adil, memelihara kesucian diri, malu, berani, kuat, sabar, kasih sayang dan berhemat (Nurhayati 2014).

Akhlak dengan manusia lain merupakan pergaulan yang baik dengan mereka khususnya ibu bapa. Islam melarang seorang anak menyakiti ibu bapa dan mewajibkan berlaku sopan serta mencurahkan kasih sayang kepada mereka. Ia turut melibatkan akhlak dengan orang yang lebih tua dan akhlak dengan rakan sebaya (Nurhayati 2014). Selain itu, akhlak juga melibatkan urusan muamalah, politik dalam masyarakat (Mahmud 2007) serta interaksi dengan masyarakat pelbagai agama (Bensaid et al. 2014).

Akhlak dengan alam sekitar bermaksud memelihara kesejahteraannya dengan menunaikan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi. Melalui penerapan nilai agama, akhlak yang baik dapat dibangunkan dalam diri insan sehingga dia berperanan sebagai Mukmin sejati. Ini tidak akan berhasil melainkan melalui ilmu dan pendidikan (Nurhayati 2014; Endang 2014; Yoke & Ahmad Hifdzil 2015). Pembentukan disiplin dan akhlak termasuk dalam kaedah merubah budaya hidup yang tidak sihat kepada lebih positif. Pendidikan akhlak juga membentuk motivasi diri dan niat positif (Khairul Hamimah et al. 2014). Ini kerana ciri akhlak Islam itu yang istimewa iaitu universal, menepati fitrah, realistik, komprehensif dan positif (Mahmud 2007). Para ilmuwan yang tidak mempunyai nilai akhlak menyebabkan mereka melakukan perkara yang tidak terpuji sehingga mengorbankan ilmu pengetahuan yang dikuasainya untuk kepentingan




pragmatis. Sedangkan aspek kemanusiaan merupakan perkara utama dalam pengembangan ilmu pengetahuan (Maftukhin 2015).

Gandingan antara ketiga-tiga elemen ibadah, akidah dan akhlak mempunyai hubungan dengan kecerdasan spiritual dalam Islam (Bensaid et al. 2014; Tajulashikin & Nor Faizah 2014; Elmi 2013) dan merupakan ciri utama bagi pembentukan insan kamil (Rohana & Norhasni 2014) serta *Ulu al-Albab* (Elmi & Zainab 2015). Ini kerana para pengkaji bersetuju bahawa kaedah terbaik untuk merealisasikan peranan sebagai manusia di bumi ini adalah melalui penghayatan agama atau religiositi.

4. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kecemerlangan dalam Islam yang disebut sebagai *al-falah* ini mempunyai perbahasan yang besar meliputi dunia dan akhirat. Kecemerlangan di dunia diperolehi melalui penghayatan iman, ibadah dan akhlak sedangkan kecemerlangan di akhirat bermaksud mendapat keampunan, rahmat dan kurniaan syurga Allah SWT. Rajah 1 merupakan gambaran ringkas hubungan antara keperibadian dan konsep *al-falah* dalam Islam.



Rajah 1 Hubungan antara keperibadian *al-Muflihin* dan konsep *al-Falah*.

Untuk itu, ciri-ciri sebagai insan cemerlang perlu dibangunkan dalam diri setiap individu ke arah membentuk sebuah masyarakat yang ideal dan sejahtera. Ini kerana peribadi yang mengamalkan konsep *al-falah* ini sentiasa mempertingkatkan kualiti diri dan menyeru kebaikan kepada orang lain. Ia boleh dididik melalui disiplin, pengajaran, contoh atau model, pengukuhan sosial dengan tingkah laku sesuai dan persekitaran sesuai. Ia adalah satu bentuk keupayaan untuk mengaplikasi semua ilmu yang dipelajari (Mohamad Khairi 2013). Ini kerana tahap pengetahuan agama yang



tinggi belum menjamin dapat melahirkan seseorang yang mengamalkan agama (Noor Hayati 2016). Maka, untuk menyuburkan penghayatan, perlu dimasukkan unsur emosi ke dalam setiap amalan yang dilakukan (Hamdi Rahman et al. 2013). Melalui penghayatan agama yang sebenar, maka konsep *al-falah* mampu diterjemahkan dengan baik.

Rujukan

Al-Qur'an.

Abdullah Sulong & Siti Zainab Sugiman. 2010. *Faktor-faktor yang mempunyai hubungan dengan pembangunan modal insan di kalangan pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan UTM.* hlm. 1-7. <http://eprints.utm.my/id/eprint/10785/1/Faktor.pdf> [1 Ogos 2018]

Aerisuli Awang. 2011. Penghayatan ibadah dan kesannya terhadap hubungan sosial di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu. Tesis Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya.

Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa & Siti Aishah Suhaimi. 2012. Islam dan pembentukan jati diri Melayu. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012): 143-154.

Ajmain@Jimaain Safar. 2012. Pembinaan Instrumen Pentaksiran Akhlak berasaskan Rakan Sebaya pelajar sekolah menengah. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Attas, S.M. 2013. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam.* Skudai: Penerbit UTM.

Al-Bayanuni, Ahmad Izzuddin. 2003. *Ahli Sunnah Wal-Jamaah.* Terj. Hasnan bin Kasan. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Tusi. 2004. *Ihya' 'Ulum al-Din.* Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Razi, Fakhr al-Din, Muhammad bin 'Umar. 1981. *Mafatih al-Ghayb.* Beirut: Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.

Al-Sya'rawi, Muhammad Mutawalli. 1991. *Tafsir al-Sya'rawi-Khawatir al-Sya'rawi Hawl al-Qur'an al-Karim.* T.tpt: Akhbar al-Yaum Idarah al-Kutub wa al-Maktabah.

Al-Syirman, Ahmad Muhammad Mahmud. 2012. Sifat al-Muflihin fi al-Quran al-Karim wa In'ikasatiha al-Tarbawiyah 'ala al-Mujtama' al-Islam. Tesis Dr. Fal, Kulliyah al-Tarbiyyah, Jamiah Yarmouk.



- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. T.th. *Jami' al-Bayan 'an ta'wil al-Qur'an*. Tahqiq: Mahmud Muhammad Syakir. Kaherah: Maktabat Ibn Taymiyyah.
- Asma' Muhammad Al-^cAjlan. 2011. Al-Falah wa al-Khusran fi al-Qur'an al-Karim. Tesis Sarjana, Qism al-Qur'an wa ^cUlumuh, Kulliyah Usul al-Din. Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa^cud al-Islamiyyah.
- Asmawati Suhid. 2007. Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. *Jurnal Pengajian Umum* 8: 167-178.
- Azimi Hamzah, Turiman Suandi, Sidek Mohd Noah, Rumaya Juhari, Abdul-Lateef Abdullah, Jamiah Manap, Khairul Anwar Mastor, Azma Mahmoud & Hasnan Kassan. 2006. *Muslim Religiosity and Personality Indexing: Implications for Nation Building*. Serdang: Institute for Community and Peace Studies (PEKKA) Universiti Putra Malaysia.
- Azma Mahmood. 2006. Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharin Mesir, Jamaludin Mohd Yatim, Azmahani Abd Aziz, Mohd Hidayat Jamal & Muzaffar Zainal Abideen. 2006. *Gaya Hidup Pelajar Cemerlang dalam Persekitaran Kampus*. Kertas kerja National Student Development Conference. Kuala Lumpur, 8-9 Ogos.
- Bensaid, B., Machouche, S.T. & Grine, F. 2014. A Qur'anic framework for Spiritual Intelligence. *Religions* 2014, 5, 179–198.
- Buerah Tunggak, Shahrin Hashim, Nur Afzan Mohamad & Maznah Ali. 2015. Faktor risiko belia terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan cadangan penyelesaiannya menerusi Model Pembangunan Belia Muslim Terpimpin. *Jurnal Antidadah Malaysia* 9 (1): 1-21.
- Danial Zainal Abidin. 2006. *Tip-Tip Cemerlang Daripada Quran*. Batu Caves: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Dzuhailmi Dahalan, Steven Eric Krauss, Azimi Hamzah & Abd Hadi Sulaiman. 2014. Pegangan agama dalam kalangan belia awal pelbagai kaum di Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 9 (1): 117-130.
- Elmi Baharuddin dan Zainab binti Ismail. 2015. Spiritual Intelligence forming Ulul Albab's personality. *Global Journal of Business and Social Science Review*, GJBSR Vol. 4 (1) October-November 2015: 390-400.
- Elmi Baharuddin. 2013. The Spiritual Quotient and religious practices of the elderly at charity homes. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.



- Endang Soetari. 2014. Pendidikan karakter dengan pendidikan anak untuk membina akhlak Islami. *Jurnal Pendidikan Universitas Garut* 8 (1): 116-147.
- Erlina Listyanti Widuri. 2012. Regulasi emosi dan resiliensi pada mahasiswa tahun pertama. *Humanitas* Vol. 9 (2): 147-156.
- Fatimah Ali. 2007. Masalah sosial pelajar dan hubungannya dengan kemerosotan pembelajaran. *Jurnal Usuluddin* 25: 145-154.
- Fatin Faqeriah Hamsah & Abdullah Sulong, Abdullah. 2007. Faktor-faktor yang mempunyai hubungan dengan pengamalan ibadah sunat di kalangan pelajar SPI, UTM Skudai. Tesis Sarjanamuda, Universiti Teknologi Malaysia.
- H. Imam Moedjiono. 2003. Konsep pendidikan Islam: Telaah pemikiran Pendidikan Mohammad Natsir. *JPI FIAI Jurusan Tarbiyah* 8(6): 46-61.
- Hamdi Rahman, M.Y., Mazlah, Y. & Masthurhah, I. 2013. Model Penghayatan Solat berasaskan kaedah tafakur. *GJAT* 3(2): 65-78.
- HAMKA. 1987. *Tafsir al-Azhar*. Juzu' 4. Jakarta: PT Pustaka Panjimas.
- Hasan Langgulung. 1989. *Research in Psychology: Toward an Ummatic Paradigm*. International Institute of Islamic Thought.
- Hasnan Kasan. 2008. *Pendidikan Remaja Muslim*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Hasyimsyah Nasution. 2002. *Filsafat Islam*. Jakarta: Gaya Media Pratama.
- Hayati Aydin. 2013. Positive effects of believing, prayer and spending in charity on the inner peace of believers. *GJAT* 3(2): 37-43.
- Hazizan Md. Noon, Mohamed Aslam Mohamed Haneef, Selamah Abdullah Yusof & Ruzita Mohd. Amin. 2003. Religiosity and Social Problems in Malaysia. *Intellectual Discourse*. 2003 II (I): 77-87.
- Herkman, J. & Vainikka, E. 2014. 'New reading' or communication? Finnish students as readers in the age of social media. Dlm. Lauristin, M. & Vihaleem, P. (pnyt.). *Reading in Changing Society*, hlm. 97-117. Tartu: University of Tartu Press.
- Kamarul Ariffin Ithnan dan Mohd Syakir Mohd Rosdi. 2018. The ultimate objective of Islamic based development: An analysis of the views of experts. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 8(10): 191-201.



- Khairul Hamimah Mohamad Jodi. 2007. Penghayatan aqidah dalam kalangan remaja: Satu kajian. Dlm. Kamaruddin Salleh, Mazlan Ibrahim & Indriaty Ismail (pnyt.). *Islam di Malaysia Pasca Kemerdekaan*, hlm. 151-162. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah UKM.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Mohd Afifudin Mohamad & Azizi Che Seman. 2014. Penerapan agama dalam modul psikospiritual dan kesannya terhadap kesihatan spiritual: Kajian Kes di Kompleks Dar Assaadah Kuala Lumpur. *Jurnal Syariah* 22 (1): 107-127.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi. 2014. Sejauhmana bahan bacaan mempengaruhi pemahaman akidah remaja: Satu kajian di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Dlm. Redzaudin Ghazali, Mohamad Rofian Ismail, Shahrul Ridzuan Arshad & CW Shamsul Bahri CW Ahmad (pnyt.). *E-Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014*, hlm. 550-558. Bandar Seri Putra: WorldConference.net Koperasi KOKISDAR.
- Khairun Nizar Mat Isa. 2012. Pola sahsiah remaja dalam kalangan pelajar Islam di sekolah menengah daerah Johor Bahru. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Khalif Muammar A. Haris. 2012. Pandangan Islam terhadap tradisi dan kemodenan. *Jurnal Hadhari* 4(1): 23-48.
- Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan. 2009. Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah: Satu kajian kes. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2):1-14.
- Lidia Endang Wahyuni. 2010. Hubungan minat belajar dan kompetensi dengan perilaku mahasiswa D III Kebidanan dalam pembelajaran praktik asuhan persalinan normal di Laboratorium Akademi Kebidanan Kutai Husada Tenggara. Tesis Sarjana, Program Studi Kedokteran Keluarga (Minat Utama Pendidikan Profesi Kesehatan) Pasca Sarjana Universitas Sebelas Maret, Surakarta.
- Maftukhin. 2015. Ilmuwan, etika dan strategi pengembangan ilmu pengetahuan di Indonesia. *Episteme*, 10(1): 199-226.
- Mahmud Ahmad Mahmud Mukhlis. T.th. *Muqawwamat Al-Falah Fi Al-Quran Al-Karim: Dirasat Mawdu'iyah*. Manufiyyah: Jami'at al-Azhar.
- Mahmud bin al-Syarif. 1983. *Al-Hubb fi al-Quran*. Beirut: Dar Maktabah al-Hilal.
- Maria Chong Abdullah, Habibah Elias, Rahil Mahyuddin, & Jegak Uli. 2004. Emotional intelligence and academic achievement among Malaysian secondary students. *Pakistan Journal of Psychological Research* 19 (3-4): 105-121.



- Maria Chong Abdullah, Habibah Elias, Rahil Mahyuddin, & Jegak Uli. 2006. *Masalah Penyesuaian: Punca Pelajar Gagal Menyempurnakan Pengajian di Universiti*. Kertas kerja National Student Development Conference (NASDEC) 2006. Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur, 8-9 Ogos
- Mohamad Khairi, H. O. 2013. *Keperluan penghayatan nilai dalam pembangunan akhlak dan moral pelajar*. Prosiding Halaqoh Nasional dan Seminar Internasional Pendidikan Islam, hlm. 444-458. Surabaya: Fakultas Tarbiyah dan Keguruan UIN Sunan Ampel.
- Mohamad Zaid Mustafa, Yahya Buntat, Kahirol Mohd Salleh, Ahmad Rizal Madar & Mirdaa Maznor. 2011. Kompetensi interpersonal dalam kalangan mahasiswa universiti berdasarkan kepada Model Human Resource Development (Hrd) Practice Mclagan. *Journal of Human Capital Development* 4(2): 1-40.
- Mohd Nasir Masroom, Siti Norlina Muhamad & Siti A'isyah Panatik@Abd Rahman. 2017. The influence of iman, Islam and ihsan towards the self well-being. *Jurnal Hadhari* 9(1): 63-74.
- Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan & Abdul Halim Tamuri. 2009. Amalan ibadat harian dan sumbangannya kepada kecerdasan emosi remaja. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1): 29-40.
- Najah Nadiah Amran. 2014. Piety and Muslim women: The participation of Muslim women in Scotland in religious circle as a case study. Tesis Dr. Fal, Religious Studies, University of Aberdeen.
- Nik Safiah Nik Abdullah, Selamah Maamor & Norazlina Abd Wahab. 2015. Pembangunan belia dari perspektif pengurusan Islam. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 1(2) (2015): 61-76.
- Noor Hayati Kusnin. 2016. Tahap Kefahaman Murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sentosa 2 Daerah Hulu Selangor Terhadap Konsep al-Falah. Tesis Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nooraini Othman. 2016. A preface to the Islamic Personality Psychology. *International Journal of Psychological Studies* 8 (1): 20-27.
- Nor Hafizah NH, Zaihairul I & Geshina Ayu MS. 2012. Moral competencies among Malaysian youth. *Health and the Environment Journal*, 3(3): 1-10.
- Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad. 2013. Pembangunan menurut perspektif Islam: Satu analisis awalan. Dlm. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII)*, hlm. 355-370. Johor Bahru, 7 – 9 Jun.



- Norazrina Azmi, Adliah Mhd Ali, Xiao-Lian Wong, Endang Kumolosasi, Jamia Azdina Jamal & Thomas Paraidathatu. 2014. Internal factors affecting academic performance among pharmacy students in Malaysian Public Institutions of Higher Learning. *Indian Journal of Pharmaceutical Education and Research* 48(3): 26-33.
- Nurhayati. 2014. Akhlak dan hubungannya dengan aqidah dalam Islam. *Jurnal Mudarrisuna* 4(2): 289-309.
- Prabawati Setyo Pambudi dan Diyan Yuli Wijayanti. 2012. Hubungan konsep diri dengan prestasi akademik pada mahasiswa keperawatan. *Jurnal Nursing Studies* 1(1) 2012: 149 – 156.
- Rohana Tan & Norhasni Zainal Abidin. 2016. Tinjauan permasalahan akhlak belia di Institusi Pengajian Tinggi. *Mimbar Pendidikan: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan* 1(2): 161-178.
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abiddin & Andi Suwirta. 2016. Faktor yang mempengaruhi penghayatan akhlak Islam dalam kalangan belia di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia *Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia* 1(1): 55-66.
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abidin, Azimi Hamzah & Fathiyah Mohd Fakhruddin. 2013. Hubungan pendidikan keagamaan oleh ibu bapa dan pertautan rakan sebaya dengan akhlak belia di Institusi Pengajian Awam Terpilih di Selangor. *Malaysian Journal of Youth Studies* 9: 91-106
- Sabiruddin. 2012. Akidah asas kesempurnaan insan. *Jurnal al-Hikmah* 4: 106-110.
- Sagita Adjani & Helmy Adam. 2012. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Belajar Mahasiswa Pada Mata Kuliah Pengantar Akuntansi. *Jurnal Ilmiah FEB* 1 (1) Universitas Brawijaya.
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit dan Zainab Ismail. 2012. Perkaitan amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar. *AJTLHE* 4(2), Julai 2012: 51-60.
- Sidek Baba. 2003. Globalisasi dan cabaran pendidikan Islam. Dlm. Suzalie Mohamad & Institut Kefahaman Islam Malaysia (pnyt.) *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia*, hlm. 3-13. Institut Kefahaman Islam Malaysia: Kuala Lumpur.
- Siti Rohmatul Ummah. 2018. Hubungan antara al-fallāḥ (petani) dengan konsep al-falāḥ dalam al-Qur'an. *Pancawahana: Jurnal Studi Islam* 13 (1), April 2018: 41-71.
- Tajulashikin Jumahat dan Nor Faizah Abdullah. 2014. Perbandingan konsep kecerdasan spiritual dari perspektif Islam dan barat: Satu penilaian semula. Dlm. Redzaudin Ghazali,



- Mohamad Rofian Ismail, Shahrul Ridzuan Arshad & CW Shamsul Bahri CW Ahmad (pnyt.). *E-Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014*, hlm. 589-599. Bandar Seri Putra: WorldConference.net Koperasi KOKISDAR.
- Tri Sunarsih. 2010. Hubungan antara motivasi belajar, kemandirian belajar dan bimbingan akademik terhadap prestasi belajar mahasiswa di Stikes A. Yani Yogyakarta. Tesis Sarjana Kedokteran Keluarga (Minat Utama Pendidikan Profesi Kesehatan), Universitas Sebelas Maret.
- Wan Sallha Yusoff, Nurul Syazwani Zulkifli, Ahmad Fahmi Mahmood & Noor Asliza Abdul Rahim. 2010. Faktor-Faktor yang mempengaruhi penentuan identiti diri remaja melayu. Kertas kerja Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa, Perlis, 29-31 Mac.
- Wan Zah Wan Ali, Aida Suraya Md. Yunus, Ramlah Hamzah, Rosini Abu, Rohani Ahmad Tarmizi, Sharifah Md. Nor, Kamariah Abu Bakar & Habsah Ismail. 2008. Kemahiran pengurusan masa pelajar universiti tempatan: Status dan hubungannya dengan pencapaian. *Jurnal Teknologi*, 49(E) Dis. 2008: 49–64.
- Williams, K. and Williams, C. 2011. Five key ingredients for improving student motivation. *Research in Higher Education Journal* 12: 1-23.
- Yoke Suryadarma dan Ahmad Hifdzil Haq. 2015. Pendidikan akhlak menurut Imam al-Ghazali. *Al-Ta'dib* 10 (2): 361-381.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-Faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling* 1: 115-140.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, Noramizah Yusuf. 2012. Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 155-172.
- Zinggara Hidayat, Asep Saefuddin & Sumartono Sumartono. 2016. Motivasi, Kebiasaan dan Keamanan Penggunaan Internet. *Jurnal Ilmu Komunikasi* 13(2): 129-150
- Zulkifli Abd. Hamid. 2011. Hubungan antara faktor keluarga dan amalan beragama, dengan pencapaian akademik pelajar miskin di negeri Selangor, Malaysia. Tesis Dr. Fal, Universiti Putra Malaysia.
- Zyoud, Ibrahim MT. 2010. Al-Falah Fi Al-Qur'an: Dirasah Mawdu'iyah. Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019 || eISBN 978-967-2122-82-1)
5th & 6th November 2019 || Tena Hotel, Bangi, Selangor, Malaysia
Organized by Faculty of Islamic Civilisation Studeis. International Islamic University College,
Selangor, Malaysia

